

22 NOV 2002

Norian-Washington (Bergambar)

AMARAN WASHINGTON HANYALAH SATU PERINGATAN KEPADA RAKYATNYA

IPOH, 22 Nov (Bernama) -- Amaran Washington bahawa Malaysia akan menjadi sasaran serangan bom seperti yang berlaku di Bali, Indonesia bulan lepas hanyalah satu peringatan am kepada rakyatnya yang ingin melawat rantau ini, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai.

Norian berkata, Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur telah menjelaskan kepada pihak polis hari ini bahawa mereka tidak mempunyai maklumat spesifik kemungkinan insiden Bali atau keganasan antarabangsa lain yang boleh berulang di negara ini.

"Kita telah menghubungi pihak Kedutaan Amerika hari ini. Kepada mereka, ia (amaran) hanya satu peringatan khususnya kepada rakyat Amerika yang hendak datang ke rantau ini, termasuk negara kita," katanya selepas majlis penyerahan bungkusan Aidilfitri di Pangkalan Unit Pasukan Simpanan Persekutuan No. 5, di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan nama pegawai kedutaan yang memberikan penjelasan berhubung amaran Washington itu yang mendapat bantahan para pemimpin negara, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Rabu lepas, Amerika memberi amaran bahawa serangan seperti di Bali yang mengorbankan kira-kira 200 orang, mungkin terjadi di negara Asia Tenggara lain termasuk Malaysia.

Washington juga mengulangi kebimbangan tentang kemungkinan serangan di Sabah oleh kumpulan Abu Sayyaf dan menasihatkan warga Amerika yang melawat pulau-pulau atau kawasan pantai di timur Sabah supaya lebih berhati-hati.

Norian juga berkata, Sabah dikaitkan kerana ia berhampiran selatan Filipina yang merupakan kubu Abu Sayyaf.

Kedutaan itu tidak dapat membekalkan sebarang maklumat spesifik kepada polis untuk menyiasat lebih lanjut kerana amaran yang dikeluarkan oleh Washington hanyalah satu peringatan.

Norian berkata polis mempunyai hubungan rapat dengan Kedutaan Amerika di negara ini dan sentiasa bekerjasama dalam menangani sesuatu isu yang timbul.

"Apabila kenyataan-kenyataan akhbar tentang amaran seperti ini diterima, kita hubungi pihak kedutaan untuk menentukannya dan setakat ini mereka memberi kerjasama baik," katanya.

-- BERNAMA

AR PR